

PENTAKSIRAN SUMATIF PENGGAL 2 OGOS 2025

Nama:

Tingkatan:

**PERNIAGAAN
KERTAS 2
TINGKATAN 5
2 JAM 15 MINT**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA bahagian. Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.
2. Jawab LIMA soalan di bahagian A, DUA soalan daripada Bahagian B dan SATU soalan wajib dalam Bahagian C.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.
4. Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. kemudian, tulis jawapan yang baharu.
5. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.
6. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.
7. Semua kertas jawapan dan kertas soalan hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi **12** halaman bercetak.

1(a)	Maklumat berikut berkaitan dengan aktiviti organisasi perniagaan.   Malakoff Corporation Berhad (Malakoff) dan Gas Malaysia Berhad (Gas Malaysia) mengumumkan pembentukan syarikat kerjasama (JVCo), Malakoff – Gas Malaysia Cogen O&M Sdn. Bhd. (i) Apakah bentuk milikan perniagaan tersebut? Usaha sama.	[1 markah]
(ii)	Jelaskan kelebihan bentuk perniagaan tersebut. Kelebihan usaha sama - Membantu perniagaan untuk memperluas asas perniagaan -Dapat berkongsi dana kewangan/ modal yang lebih besar -Meningkatkan pengeluaran kerana pasaran yang lebih besar -Dapat menggunakan teknologi terkini untuk tingkatan pengeluaran -Mudah untuk mendapat bahan mentah/ sumber-sumber yang lain -Risiko dalam perniagaan dapat dikongsi -Gas Malaysia Berhad usaha sama dengan Malakoff Corporation Berhad.	[5 markah]
(b)	Jelaskan matlamat penubuhan organisasi bukan bermotifkan untung. – Sektor awam dapat melibatkan diri dalam kegiatan kemasyarakatan – Memberi peluang kepada diri supaya dapat terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan – Memberi bantuan kepada golongan yang tidak berkemampuan/B40/OKU/ gelandangan – Nasib insan yang memerlukan dijamin terbela – Contoh ditawarkan satu perkhidmatan rawatan/pendidikan dengan sukarela/ contoh yang sesuai – Penglibatan sektor swasta/NGO/perseorangan dipertingkatkan – Melaksanakan tanggungjawab sosial/menjaga kebajikan – Contoh menderma, memberi bantuan makanan/peralatan/contoh yang sesuai	[4 markah]

2(a)

SERI SATU SAMA SDN BHD
202301026375 (1520298-D)



PPB GROUP BERHAD

[5 markah]

Bandingkan dua perniagaan di atas.

- Merujuk kepada Akta 2016/1965/Akta Syarikat
- Liabiliti terhad/tanggungan setakat modal yang disumbangkan
- Terdapat perkataan berhad dalam nama syarikat
- Tertakluk kadar cukai syarikat/secara profesional/cukai tinggi
- Dikendalikan oleh lembaga pengarah
- Memiliki entiti berasingan
- Mempunyai hayat berterusan/kewujudan kekal

Syarikat Sendirian Berhad Syarikat Awam Berhad	Syarikat Sendirian Berhad Syarikat Awam Berhad
H – Mempunyai ahli 2–50 orang	H – Mempunyai ahli 2 – tiada had
Jual beli saham dilakukan dalam kalangan ahli/tidak diniagakan di Bursa Malaysia	Jual beli saham dilakukan di Bursa Malaysia
Saham yang dipindah milik perlu dapat kebenaran ahli lembaga pengarah	Saham adalah bebas untuk dipindah milik
Maklumat berkaitan hal ehwal syarikat dirahsiakan/tidak perlu mengumumkan laporan kewangan kepada orang ramai	Maklumat berkaitan hal ehwal syarikat tidak dirahsiakan/perlu mengumumkan laporan kewangan kepada orang ramai

(b)

Jelaskan pengangguran bermusim.

- Pekerja bekerja dalam tempoh masa pendek pada setiap tahun/tempoh tertentu
- Setelah tamat tempoh/kontrak pekerja perlu mencari pekerjaan lain
- Contoh: pekerja yang bekerja di bahagian pembinaan/penoreh/mana-mana yang sesuai

[2 markah]

(c)

Bagaimanakah kerajaan mengatasi pengangguran di 2(b).

[3 markah]

	– Pemberian insentif diberikan kepada peniaga bagi mengatasi masalah pemberhentian pekerja/bantuan modal diberikan – Syarikat dikecualikan cukai atas gaji pekerja supaya terus diambil bekerja bagi tempoh masa tertentu/potongan cukai berkurangan – Contoh Kerajaan memberi pengecualian cukai kepada sektor pelancongan untuk menggalakkan peniaga dalam sektor pelancongan. bentuk bantuan yang diberikan oleh kerajaan yang sesuai	
3(a)	Terangkan kepentingan interaksi antara sesebuah perniagaan dengan organisasi luar. F1 – Jaringan perniagaan dapat diwujudkan H1 – Operasi perniagaan dapat diperkukuhkan/perniagaan dapat dikembangkan F2 – Hubungan baik sedia ada dapat diperkukuhkan H2 – Pencapaian matlamat/VMO dapat dipertingkatkan F3 – Kerjasama strategik dapat dijalinkan H3 – Keuntungan hasil dapat dijana/jualan meningkat/kepakaran/teknologi dapat dikongsi F4 – Sumber perniagaan dapat ditambah H4 – Pembiayaan dan sumber bekalan bahan mentah	[6 markah]
(b)	Persekitaran kerja yang positif, kondusif dan harmoni sangat penting diamalkan dalam sesebuah organisasi perniagaan. Mengapakah? H – Mewujudkan keselesaan di tempat kerja/suasana kondusif/seronok/ceria H – Meningkatkan motivasi pekerja/pekerja lebih mempunyai semangat H – Meningkatkan tahap kepuasan pekerja H – Mengurangkan kesilapan tugas/pembaziran dapat dielakkan H – Meminimumkan stres/tekanan kerja H – Menghasilkan idea baharu/lebih kreatif/inovatif H – Meningkatkan produktiviti/mencapai matlamat perniagaan	[4 markah]
4(a)	Gaji pekerja dipengaruhi oleh kemampuan organisasi. Terangkan faktor lain yang menentukan sistem penggajian. Faktor lain penentu sistem penggajian	[4 markah]

	Bentuk/ jenis tugas Pekerja yang menjalankan tanggungjawab yang besar diberi ganjaran yang lebih tinggi Undang-undang/ peraturan kerajaan Pihak kerajaan berkuasa menentukan kadar ganjaran minimum yang perlu diberikan oleh sesebuah organisasi Ganjaran yang dibayar oleh pesaing Ganjaran yang setara / lebih tinggi akan diberi berbanding pesaing untuk memotivasikan/ mengekalkan pekerja Permintaan/ penawaran buruh Permintaan/ penawaran buruh akan menentukan kadar upah di pasaran Faktor lokasi Kedudukan geografi mempengaruhi jumlah gaji yang akan diterima	
(b)	Gambar 1 dan gambar 2 menunjukkan sumber teknologi.	
	 Gambar 1 Sumber X: Reka bentuk  Gambar 2 Sumber Y: Karya seni	
	Terangkan prosedur mengurus sumber X dan sumber Y. Prosedur mengurus sumber X dan Y Paten Hak eksklusif untuk suatu reka cipta Bagi produk/ satu proses untuk menghasilkan sesuatu yang baharu Reka cipta mestilah yang masih belum dizahirkan oleh mana-mana syarikat Suatu reka cipta akan dilindungi oleh undang-undang Hanya layak perlindungan di Malaysia sahaja	[6 markah]

	Daftar paten dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) Contoh: Reka bentuk masjid Hak Cipta Terpelihara Hak eksklusif kepada pencipta karya Dapat mengawal penggunaan karya untuk tempoh tertentu Perlindungan berdasarkan Akta Hak Cipta 1987 Perlindungan boleh diberi kepada idea yang telah direkod/ dijadikan bahan dizahirkan Tujuan untuk melindungi hasil karya supaya tidak disalah guna oleh pihak lain Permohonan boleh dikemukakan dengan MyIPO Contoh: Karya seni lukisan	
5(a)	Maklumat di bawah berkaitan dengan perniagaan Hazim Kraf Enterprise.	
	Hazim Kraf Enterprise merupakan sebuah perniagaan yang membekalkan pelbagai barangan kraf. Pembeli barangan kraf terdiri daripada peniaga-peniaga kraf di seluruh negeri Sarawak. Hazim Kraf Enterprise memberi kemudahan kredit kepada peniaga-peniaga tersebut. Sejak akhir-akhir ini, Hazim Kraf Enterprise menghadapi masalah aliran tunai. Sebahagian peniaga yang berhutang masih tidak menjelaskan hutang merreka. Selaku pemilik perniagaan, Encik Hazim telah berbincang dengan pengurus kewangannya tentang cara untuk menyelesaikan masalah kutipan hutang tersebut.	
	Cadangkan satu sumber pembiayaan yang dapat membantu Hazim Kraf Enterprise. Jenis sumber pembiayaan yang sesuai Pemfaktoran Kemudahan pembelian Akaun Penghutang/ Akaun Belum Terima/ Invois Disediakan oleh bank/ institusi kewangan/ syarikat pemfaktoran Syarikat pemfaktoran membeli invois/ Akaun Penghutang/ Akaun Belum Terima pada harga diskaun Encik Hazim dapat memindahkan tugas pengutipan hutang daripada pelanggannya kepada bank/ institusi kewangan/ syarikat pemfaktoran Dapat memulihkan aliran tunai Hazim Kraf Enterprise	[4 markah]
(b)	Terangkan	
(i)		[2 markah]

JUALAN	RM	RM	RM	RM
- pulangan jualan			5 700	58 100
- diskaun diberi			1 055	
JUALAN BERSIH				6 755
Tolak : Kos Jualan				51 345
Stok Awal			56 500	
Belian		30 670		
- pulangan belian	4 900			
- diskaun diterima	556	(5 456)		
BELIAN BERSIH		25 214		
+ angkutan masuk	450			
+ upah pembantu kedai	1 040	1 490		
Kos Belian			26 704	
Kos Barang untuk Dijual			83 204	
- Stok Akhir			46 800	
KOS JUALAN				36 404
UNTUNG KASAR				14 941

F2 – Akaun perdagangan dan untung rugi/penyata pendapatan

H2 – Akaun perdagangan jualan bersih/kos jualan/mengira untung kasar/dapatkan untung bersih

(ii)

PERKARA/ BULAN	Ogos 2022	Sept 2022	Okt 2022	Nov 2022	Dis 2022	Jan 2023	Feb 2023	Mac 2023	Apr 2023	Mei 2023	Jun 2023	Jul 2023	JUMLAH
Baki b/b	-	60658	49144	40565	35286	33669	36112	43056	54987	72440	96009	126344	164169
ALIRAN TUNAI MASUK													
Modal Sendiri	107000												107000
Hasil Perkhidmatan	32400	35640	39204	43124	47437	52181	57399	63138	69452	76398	84037	92441	692851
Pinjaman	33000												33000
JUMLAH ALIRAN MASUK	172400	35640	39204	43124	47437	52181	57399	63138	69452	76398	84037	92441	832851
ALIRAN TUNAI KELUAR													
BELANJA PENTADBIRAN													

[2 markah]

F1 – Pernyata aliran tunai

H1 – Merupakan punca perolehan/penggunaan dana/tunai bagi satu tempoh tertentu/melaporkan pembayaran/penerimaan tunai/menunjukkan kemampuan perniagaan membayar hutang.

(iii)

ASET SEMASA			
Stok akhir	19 011		
Bank	8 587		
Penghutang	73 260		
Tunai	2 128		
(-)LIABILITI SEMASA		102 986	
Pemiutang		6222	
Modal kerja			96 764
			115 564
EKUITI PEMILIK			
Modal			100 000
(+)Untung bersih			5624
(-)Ambilan			105 624
Modal akhir			60

[2 markah]

F3 – Penyata kedudukan kewangan/kunci kira-kira

H3 – Menunjukkan harta/hutang perniagaan/mengandungi butiran liabiliti/ekuiti pemilik/aset

6(a)

Jelaskan kekuatan diri yang perlu dimiliki oleh seorang usahawan.

[3 markah]

H – Kemahiran pembangunan watak diri/penampilan diri/sahsia diri

H – Mempunyai penampilan diri yang kemas/mana-mana ciri-ciri usahawan

H – Usahawan menumpukan kepada sesuatu usaha/fokus tenaga

H – Mempunyai hubungan baik dengan pasangan/keluarga/hubungan kekeluargaan/

	semua pihak H – Mempunyai keupayaan untuk membentuk atau membina jenama/imej perniagaan H – Mempunyai keupayaan untuk menyelesaikan masalah kecil terlebih dahulu/ dapat menyelesaikan masalah kecil dengan segera	
(b)	Jelaskan tanggungjawab yang perlu dipatuhi oleh pemilik setelah berjaya mendaftar perniagaan mereka. H – Sijil Perakuan Pendaftaran Perniagaan/Borang D/Lesen Perniagaan/Notis Perbadanan Syarikat perlu dipamerkan H – Papan tanda perniagaan yang mengikut spesifikasi ditetapkan dipamerkan H – Dokumen rasmi perniagaan seperti invois/resit/nota serahan/ccontoh lain perlu meletakkan nama dan nombor pendaftaran perniagaan H – Sijil perakuan pendaftaran perlu diperbaharui dalam tempoh 30 hari selepas pemerbadanan sesebuah syarikat H – Perubahan maklumat perniagaan perlu didaftarkan dalam masa 30 hari dari tarikh perubahan H – Pendaftaran perniagaan perlu ditamatkan dalam tempoh 30 hari dari tarikh penamatan perniagaan/mengisi borang C	[4 markah]
(c)	Jelaskan kepentingan menyediakan rancangan perniagaan. H – Supaya dapat melakukan penilaian projek yang telah dirancang dengan teliti H – Supaya dapat menjadi garis petunjuk dalam pengurusan perniagaan/hala tuju H – Perancangan keperluan sumber perniagaan H – Supaya dapat memberi bantuan kepada perniagaan untuk beroperasi dengan lebih sistematik/lebih teratur/menambah baik H – Menjangka risiko/masalah yang terjadi semasa pelaksanaan projek H – Mengurangkan risiko/masalah yang bakal timbul H – Supaya dapat menentukan projek yang dijalankan mempunyai daya maju H – Memberi keyakinan kepada pihak bank/pelabur/pembiaya/pihak berkepentingan untuk membuat pelaburan/pembiayaan	[3 markah]



7	Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah pasar raya.	
	Adi Mart Sdn. Bhd. Merupakan sebuah pasar raya yang beroperasi di Sarawak. Bilangan pekerja tetap pasar raya tersebut adalah seramai 200 orang dengan jualan tahunan sebanyak RM30 juta. Belakangan ini, Adi Mart Sdn. Bhd. Menghadapi masalah pusing ganti pekerja. Ramai yang berhenti kerja kerana mendapat tawaran yang lebih baik di syarikat lain. Pengurus sumber manusia telah merancang strategi bagi mengatasi masalah ini.	
(a)	Jelaskan perkaitan antara saiz perniagaan dengan bentuk pemilikan perniagaan. Kaitan antara saiz perniagaan dengan bentuk milikan perniagaan Perniagaan bersaiz besar Jualan tahunan melebihi 30 juta/ melebihi RM 20 Juta Bilangan pekerja tetap 200 orang/ melebihi 75 orang Bentuk milikan perniagaan ialah syarikat sdn. bhd. Modal besar diperolehi daripada penjualan syer Bilangan ahli yang dibenarkan sehingga 50 orang Pemegang saham terbesar berhak untuk mengawal setiap operasi syarikat Liabiliti pemegang saham terhadap Beroperasi secara besar-besaran/ menikmati ekonomi bidangan	[6 markah]
(b)	Apakah usaha yang boleh dibuat oleh pihak pengurusan syarikat untuk mengelakkan pekerja daripada berpindah kerja ke syarikat lain? Usaha untuk mengelakkan pekerja daripada berpindah kerja ke syarikat lain Bonus tunai Penghargaan untuk pekerja berdasarkan prestasi perniagaan Kemudahan perubatan Faedah perubatan dan penjagaan kesihatan yang dibayar oleh majikan Kemudahan penginapan Majikan menyediakan tempat tinggal untuk pekerja	[4 markah]
(c)	Klinik Pergigian Liana baru beroperasi di Lot 103, Jalan Salim, Sib. Setelah setahun operasi, perniagaan Klinik Pergigian Liana mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada masyarakat. Dr Liana berhasrat untuk terus meningkatkan lagi hasil jualan perniagaannya. Bagaimanakah Dr Liana dapat meningkatkan lagi hasil jualan perniagaannya? Bagaimana dapat meningkatkan hasil jualan Membuka cawangan klinik Hasil/ Keuntungan yang meningkat dapat dijadikan modal pelaburan Juga dapat menaikkan imej perniagaan/ klinik Membesarkan perniagaan/ klinik sedia ada Perlu menambah bilangan pekerja sedia ada Mampu memberikan perkhidmatan kepada lebih ramai pelanggan Dapat keyakinan daripada pelanggan Hasil/ keuntungan akan lebih meningkat	[5 markah]
8(a)	Gambar di bawah menunjukkan agensi yang menawarkan pembiayaan kepada usahawan.	

	 	
(i)	Apakah bentuk kemudahan kewangan yang ditawarkan oleh agensi di atas kepada usahawan untuk memulakan perniagaan ? Bantuan modal	[1 markah]
(ii)	Jelaskan kekuatan dan kelemahan bagi sumber pembiayaan di 8(a)(i)? - Memberi pinjaman kepada peniaga yang tidak mempunyai cagaran. - Jumlah pinjaman boleh disesuaikan dengan keperluan semasa. - Tidak dikenakan faedah - Persaingan yang sengit - Jumlah pinjaman terhad menyebabkan perniagaan terpaksa membuat pinjaman berulang kali - Tertakluk kepada terma dan syarat	[5 markah]
(b)	Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah perniagaan.	
	Syarikat Barista JJ merupakan pengeluar serunding daging dan ayam di Sungai Petani, Kedah. Syarikat ini berhasrat untuk menjadi antara tiga pengeluar serunding terbaik di Malaysia menjelang tahun 2025. Objektif Syarikat Barista JJ adalah seperti berikut: • Menetapkan sasaran pengeluaran serunding daging dan ayam sebanyak 230 000 unit pada tahun 2020. • Peningkatan untung sebanyak 10% pada setiap tahun. • Peningkatan jualan pada musim perayaan. Dalam tempoh tiga tahun beroperasi, Syarikat Barista JJ berjaya menunjukkan kedudukan kewangan yang kukuh. Syarikat Barista JJ bercadang untuk menaikkan kadar gaji minimum sesuai dengan ketetapan kerajaan.	
(i)	Terangkan ciri-ciri objektif yang ingin dicapai oleh Syarikat Barista JJ. Ciri-ciri objektif yang ingin dicapai oleh Syarikat Barista JJ ialah F1 Spesifik H1a Pernyataan objektif secara khusus/jelas	[4 markah]

	H1b Pengeluar/menjual serunding daging /ayam F2 Boleh diukur/measurable H2a Boleh diukur secara kualitatif/kuantitatif H2b Mengeluarkan sebanyak 230,000 unit serunding daging/ayam F3 Boleh dicapai/Attainable H3a Mampu mencapai sasaran yang ditetapkan H3b Peningkatan jualan pada musim perayaan. F4 Munasabah/Realistic H4a Peluang yang tidak mustahil untuk dicapai H4b Peningkatan untung 10% pada setiap tahun F5 Jangka masa/Time frame H5a Tempoh masa untuk mencapai objektif yang ditetapkan H5b Menetapkan sasaran pengeluaran pada tahun 2020.	
(ii)	Bagaimanakah faktor luaran dapat membantu syarikat mencapai sasaran tersebut? Faktor luaran dapat membantu Syarikat Sesedap Rasa mencapai sasaran ialah: H1 Pertumbuhan ekonomi yang baik/melambung H1a Pendapatan/kuasa beli meningkat/bertambah H1b Permintaan serunding ayam/daging tinggi H2 Sosiobudaya/cara/gaya hidup moden H2a Amalan cara hidup mudah/cepat/jimat masa/wanita bekerjaya H2b Memenuhi citarasa pelbagai kaum/budaya/rasa serunding digemari ramai H3 Teknologi canggih/terkini/moden H3a Perniagaan lebih cekap/pengeluaran meningkat H3b Kos operasi lebih murah H4 Undang-undang yang ditetapkan oleh kerajaan membantu perniagaan H4a Kadar cukai rendah/pelepasan cukai H4b Hanya tertakluk kepada perundangan dalam negara sahaja.	[5 markah]
9	Situasi di bawah berkaitan dengan faktor memulakan perniagaan.	

	Setelah menamatkan persekolahan, Alexa ingin memulakan perniagaan cup cake secara atas talian. Namun begitu dia belum berani untuk memulakan perniagaan tersebut.	
(a)	Huraikan faktor penyumbang yang dapat membantu Alexa memulakan perniagaan tersebut? F1 – Modal H1 – Terdiri daripada sumber yang jelas/mempunyai syarat fleksibel/mencukupi/ sumber pembiayaan dalaman/sumber pembiayaan luaran C1 – Contoh simpanan sendiri/pinjaman MARA F2 – Kemahiran H2 – Mempunyai pengetahuan berkaitan penyajian nasi lemak/penggunaan teknologi maklumat C2 – Alexa boleh mengikuti kelas kulinari/mengambil kursus pensijilan di institusi latihan awam/swasta F3 – Pemasaran H3 – Mengamalkan konsep 4P/produk/promosi/harga/agihan/sasaran pasaran/ promosi dijalankan dengan berkesan/ agihan dilakukan dengan cekap/mencipta produk nasi lemak yang lazat/berkualiti/pembungkusan menarik/harga berpatutan C3 – Melaksanakan aktiviti iklan di media bersesuaian contohnya di radio/ penghantaran yang cepat/menawarkan harga yang istimewa F4 – Stok H4 – Bahan asas yang mencukupi/mudah didapati/telah sedia ada/dibekalkan secara kredit C4 – Bekalan ramuan masakan/beras/mengetahui pembekal seperti Syarikat Faiza F5 – Bantuan profesional H5 – Pihak yang pakar dalam mengendalikan laman web C5 – Mengenali/menghubungi pihak agensi pemasaran awam/swasta/penggunaan kepakaran MARA/TEKUN F6 – Latihan H6 – Mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan C6 – Mendapatkan ilmu berkaitan pengurusan perniagaan/motivasi	[6 markah]
(b)	Untuk menubuhkan perniagaan, Alexa perlu mematuhi akta dan peraturan yang	[9 markah]

ditetapkan oleh kerajaa.

Jelaskan akta dan tersebut serta implikasinya terhadap perniagaan Alexsa.

H – Akta Pendaftaran Perniagaan 1956

H – Setiap perniagaan wajib didaftarkan/perniagaan perlu didaftarkan

H – Didaftarkan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

H – Pendaftaran dalam tempoh 30 hari tarikh perniagaan dimulakan

H – Tindakan denda sebanyak RM50 000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya

H – Memperoleh permit/lesen/surat kebenaran daripada pihak berkuasa tempatan/
Kementerian Kesihatan Malaysia

H – Segala aktiviti perniagaan boleh dikawal/mengumpul maklumat peniaga

H – Memudahkan penguatkuasaan dilakukan

H – Nama perniagaan boleh ditentukan supaya tidak sama dengan perniagaan lain/
borang kelulusan nama perniagaan

H – Menyediakan wang pembayaran RM30 bagi penggunaan nama atas nama sendiri

H – Menyediakan wang pembayaran RM60 bagi penggunaan nama atas nama lain

H – Mempamerkan Borang D/lesen perniagaan di tempat yang jelas di premis
perniagaan

H – Menghadiri kursus pengendalian makanan

Implikasi

H – Pengguna akan lebih yakin dengan perniagaan Alexsa/perniagaan dijalankan
secara lancar

H – Menjaga kebersihan/tidak menjejaskan kesihatan/selamat

H – Perniagaan dijalankan secara sah

H – Perniagaan dijalankan ikut peraturan/tiada unsur penipuan/penyelewengan

H – Peniaga memakai pakaian kemas/apron/menutup kepala/kasut


H – Pembayaran cukai

H – Nama baik/imej perniagaan akan terjaga

H – Penularan berkaitan nasi lemak di media sosial

Bahagian C [20 markah]

Alin's Crispy Sendirian Berhad diasaskan pada tahun 2016 oleh seorang tokoh usahawan Melayu. Beliau telah mengembangkan perniagaannya dari gerai menjual ayam crispy hingga membuka kilang pengeluaran ayam crispy pelbagai perisa di Ayer Keroh, Melaka. Kini jualan tahunan bagi tahun 2021 berjumlah RM1.5 juta manakala untung bersih meningkat bagi empat tahun berturut-turut.



Selain membuat jualan di premis, Alin's Crispy Sendirian Berhad menggunakan facebook dan instagram untuk mempromosikan produknya dan berkomunikasi dengan pelanggan. Alin's Crispy akan memperkenalkan ayam crispy perisa korea melalui media sosial. Beliau juga bersedia menerima tempahan secara atas talian.

Alin's Crispy Sendirian Berhad ingin mengembangkan lagi perniagaan mereka dengan membuka satu lagi kilang di Sarawak bagi memenuhi permintaan di sekitar Sarawak dan Sabah. Perniagaan Alin's Crispy telah menyediakan rancangan perniagaan yang menjelaskan secara terperinci tentang visi, misi, dan objektif perniagaan. Rancangan perniagaan yang disediakan akan digunakan untuk meyakinkan pihak berkepentingan seperti bank dan pelabur supaya dapat memberikan pembiayaan sebanyak RM500 000 bagi membeli mesin dan peralatan serta beberapa aset lain yang akan digunakan untuk menjalankan perniagaan.

10. Berdasarkan kes di atas, jawab soalan-soalan berikut:

(a)	Nyatakan jenis milikan perniagaan Alin's Crispy. Huraikan kelebihan pemilikan perniagaan tersebut. - Modal lebih besar - Modal dapat dikumpulkan melalui terbitan syer - Liabiliti terhad - Rugi setakat modal yang dilaburkan sahaja - Hal ehwal syarikat dirahsiakan - Laporan kewangan tidak perlu diumumkan kepada orang ramai	[4 markah]
(b)	Apakah trend perniagaan Alin's Crispy bagi tempoh empat tahun tersebut? Beri alasan anda. - untung bersih meningkat bagi empat tahun berturut- turut - aktiviti dan operasi perniagaan semakin meningkat - pengeluaran ayam crispy pelbagai perisa	[2 markah]
(c)	Cadangkan kaedah promosi lain yang boleh dilaksanakan oleh perniagaan Alin's Crispy untuk meningkatkan jualan produknya. Promosi jualan - Beri pelbagai jenis insentif untuk menarik minat pengguna agar menambahkan belian - Contoh: pemberian diskaun, pemberian kupon, sampel percuma - Jualan langsung - Jualan secara peribadi antara jurujual dengan bakal pelanggan. - Publisiti - Maklumat ayam crispy disalurkan melalui media massa	[4 markah]
(d)	Terangkan kepentingan penyediaan rancangan perniagaan kepada perniagaan Alin's Crispy. - Memberi peluang kepada usahawan menilai projek yang dirancang dengan teliti - Menjadi garis panduan dalam hala tuju pengurusan perniagaan - Sebarang kesilapan dapat dikurangkan - Merancang keperluan sumber perniagaan - Pengagihan keperluan sumber perniagaan yang betul dapat membantu perniagaan beroperasi dengan lebih sistematik dan lebih jelas - Menjangka risiko dan masalah yang timbul semasa melaksanakan projek perniagaan - Usahawan dapat meramal risiko dan masalah serta berusaha menangani risiko - Memberi gambaran sama ada projek yang dirancang berdaya maju atau tidak - menyakinkan pihak seperti pelabur, bank dan pihak berkepentingan untuk	[5 markah]

	pelaburan atau pembiayaan	
(e)	Wajarkah perniagaan Alin's Crispy memfrancaiskan perniagaannya? Berian alasan anda. - Wajar - Dapat mengembangkan perniagaan secara global - Berkongsi risiko dan tanggungjawab dengan francaisi - Struktur pengurusan tidak begitu besar - Pengurusan outlet francaisi dilakukan oleh francaisi sendiri ATAU - Tidak wajar - Boleh menjejaskan reputasi francaisor sekiranya francaisi tidak mematuhi kualiti produk yang ditetapkan - Kesukaran memilih francaisi yang baik dan berdaya saing - Peningkatan dalam kos sokongan operasi untuk francaisi ** SEKIRANYA CALON JAWAB TIDAK WAJAR... MARKAH MAKSIMUM HANYA 4 M **	[5 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT